

## BENTUK KOMUNIKASI PENYERTAAN ULAMA SELAKU PEMIMPIN PENDAPAT DALAM MENYOKONG PEMBANGUNAN NASIONAL DI PROVINSI SULAWESI SELATAN

Haidir Fitra Siagian, Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa &  
Fauziah Ahmad  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Kertas kerja ini membincangkan bentuk komunikasi penyertaan ulama ke atas program pembangunan nasional di Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia. Kajian ini dijalankan untuk memperolehi gambaran sebenar kedudukan para ulama dalam pembangunan nasional. Matlamat pembangunan nasional iaitu untuk meningkatkan taraf kesejahteraan masyarakat, sama ada dari aspek jasmani mahupun dari aspek rohani. Untuk mencapai matlamat tersebut, penyertaan semua pihak termasuklah para ulama adalah sangat perlu. Ulama iaitu pemimpin agama Islam yang memiliki pengetahuan yang sangat luas mengenai faham keagamaan. Justeru itu, ulama dapat memberikan pengaruh kepada masyarakat, kerana merupakan individu yang dipercayai, memiliki kharisma, didengarkan nasihat juga dicontoh perilakunya. Sebagai pemimpin tidak formal, ulama semestinya bertanggung jawab terhadap semua aspek pembangunan. Penyertaan ulama dalam pembangunan adalah sangat mustahak, sama ada sebagai penerima langsung faedah pembangunan mahupun sebagai penyumbang aktif kepada proses pembangunan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk komunikasi penyertaan paling ramai dijalankan para ulama adalah melalui dialog, iaitu berkongsi idea-idea mengenai pembangunan bersama dengan pihak kerajaan, secara formal mahupun tidak formal. Dialog formal yang diikuti para ulama dalam menyokong pembangunan bersama pihak kerajaan iaitu seminar, persidangan dan mesyuarat. Manakala dalam dialog

tidak formal, bentuk komunikasi penyertaannya iaitu dalam majlis tidak rasmi, mahupun aktiviti tidak formal. Dalam realitinya, bentuk komunikasi penyertaan para ulama yang telah dijalankan bagi kedua-dua dialog tersebut, belum berlaku secara sempurna, lagipun kesannya adalah rendah.

***Kata kunci:*** *ulama; pemimpin pendapat; pembangunan nasional; komunikasi penyertaan; dialog*

## THE FORMS OF PARTICIPATORY COMMUNICATION OF ULAMA AS OPINION LEADERS IN SUPPORTING NATIONAL DEVELOPMENT OF THE PROVINCE OF SOUTH SULAWESI

### **Abstract**

This article discusses the forms of participatory communication of *ulama* on the national development of South Sulawesi province, Indonesia. This research intends is to look at the true picture of the position of *ulama* in the national development of the province. The aim of the national development is to elevate the life of their society physically and spiritually. To achieve this, the participation of the people is expected, including from the *ulama*. *Ulama* are religious leaders who are considered to possess a strong understanding of religious knowledge. Thus *ulama* are able to influence the society as they are trusted by the society. As informal leaders, *ulama* are also responsible towards all aspects of developments. Their participation is vital as the direct receiver as well as an active contributor of the process of development. Research results revealed that the most frequent participatory communication conducted by *ulama* is dialogue; sharing and exchanging ideas with the government, formally or informally. Informal dialogue conducted by *ulama* to show support towards government are seminars, conferences and meetings while the forms of informal participatory communication are during informal events or activities. In reality, the forms of participatory communication by both dialogues have not been conducted fully yet and the level of the effects is low.

***Keywords:*** *Religious leader (ulama); opinion leader; national*

*development; participatory communication; dialogue*

## **PENGENALAN**

Konsep pembangunan sebenar tidak terhad ke atas peningkatan ekonomi, fizikal, dan infrastruktur sahaja. Pembangunan sebagai suatu proses yang digunakan untuk mencapai peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik merangkumi berbagai aspek kehidupan, sama ada aspek kemanusiaan, kebendaan, keilmuan dan teknologi. Pembangunan yang lengkap dalam segala aspek sama ada jasmani mahupun rohani akan membawa kepada kehidupan yang sejahtera bagi seluruh rakyatnya (Maimunah Ismail 1999, Che Bakar Che Mat 2007, Said 2013 ). Sempena mencapai matlamat pembangunan tersebut, maka pembangunan semestinya dilaksanakan setelah dirancang dengan baik berdasarkan pola kemanfaatan, profesionalisme dan kejujuran. Justeru, matlamat pembangunan akan semakin mudah dan mempercepatkan capaian dicapai manakala melibatkan warganegara dalam seluruh aspek berkenaan.

Walau bagaimanapun, pihak bertanggung jawab utama dalam menjalankan program pembangunan nasional adalah pihak kerajaan. Pada pandangan Mohd. Yusof Hj. Abdullah (2012), pihak kerajaan mempunyai kuasa dan komitmen politik untuk berperanan sebagai peneraju pembangunan. Justeru dalam melaksanakan pembangunan, pihak kerajaan tidak boleh dilakukan secara sendiri sahaja. Kerajaan mestilah melibatkan seluruh rakyatnya, sebagai wujud hak dan kewajiban mereka. Penyertaan ini perlu diperkasakan secara serius, kerana tanpa adanya penyertaan masyarakat dalam pembangunan tidak akan memperoleh faedah yang wajar bagi masyarakat (Freire, 1971). Penyertaan ini boleh dijalankan secara langsung, mahupun melalui utusan atau perwakilan. Perwakilan masyarakat dalam melaksanakan pembangunan, adalah anggota parliemen, juga para tokoh masyarakat selaku pemimpin tidak formal.

Ke atas satu kumpulan masyarakat, terdapat pihak yang boleh memberikan pengaruh secara luas, iaitu para pemimpin pendapat atau dalam istilah ilmu komunikasi disebut *opinion leader*, atau pemimpin tidak formal. Para pemimpin tidak formal memiliki pengetahuan luas dan kepekaan (sikap responsif) tinggi sehingga boleh dipercayai sebagai saluran penting dalam menghubungkan masyarakat dengan pihak kerajaan sebagai pengambil dasar (Foster, 2008). Pemimpin pendapat boleh mewakili masyarakat, lain kerana iapun merupakan bahagian masyarakat itu sendiri, mereka dianggap dapat memahami dengan baik keperluan dan harapan masyarakat, sebab pada umumnya, tokoh tersebut hidup dan bergelut dengan masalah yang sama dengan yang dihadapi masyarakat (Pielstick, 2003).

Mengikut pemikiran Bertocci (2009), mengidentifikasi kekuasaan pemimpin pendapat bertumpu ke atas kombinasi antara kekuatan kemahiran (*expert power*), penghargaan (*reward power*), dan karakter/karisma (*referent power*) sampena mempengaruhi orang lain. Menurutnya, pemimpin pendapat sering

menggunakan kekuatan kemahiran mereka (*expert power*) dalam mempengaruhi perubahan dan inovasi, dengan kemahiran tersebut memungkinkan mereka untuk memecahkan persoalan dengan cara-cara yang baru dan kreatif. Kekuatan mempengaruhi orang lain juga diperoleh kerana mereka memiliki kemampuan karismatik dan otoriti akibat hubungannya dengan tokoh-tokoh berpengaruh ke atas kumpulan masyarakat.

Lazimnya para pemimpin pendapat merupakan individu yang mempunyai status sosial, berkemahiran dan mempunyai pengalaman yang membolehkan mereka memberikan maklumat dan nasihat tentang inovasi kepada orang lain ke atas kumpulan masyarakat (Chatman, 1987, Valente dan Davis, 1999). Individu ini boleh menonjol dalam bidang ilmu pengetahuan, wawasan, kewangan, faham keagamaan, dan kepakaran khas. Di Indonesia, pemimpin pendapat yang paling berpengaruh dalam satu kumpulan masyarakat terutama dalam kawasan yang penduduknya lebih ramai beragama Islam adalah para ulama. Ulama merupakan pemimpin agama Islam yang memiliki pemahaman keagamaan yang tinggi. Oleh itu, dia dianggap sebagai pemimpin pendapat dalam sebuah komuniti (Siagian, et al. 2013). Mengikut pandangan Mejar (B) Abu Dzar (2004) ulama tidak memiliki kuasa dan kekuatan, tetapi ulama memiliki ilmu dan ketauladanan. Oleh itu, dalam menggerakkan masyarakat, kerajaan sepatutnya melibatkan ulama, kerana perkataan atau nasihat ulama adalah sangat didengar oleh masyarakat.

Penyertaan ulama dalam pembangunan sewajarnya adalah untuk mewakili seluruh kumpulan masyarakat dalam mendukung program pembangunan. Tugas ulama pada hari ini dalam sebuah negara tidak hanya mengajari masyarakat dalam paham keagamaan sahaja. Ulama juga mesti terlibat memberikan pemerhatian terhadap pembangunan yang ada dalam persekitarannya (Shihab 2001). Ulama tidak boleh membiarkan kemiskinan, kebodohan berlaku dalam masyarakat. Ulama mesti tergerak hatinya untuk terlibat dalam pelbagai program pembangunan sampeña meningkatkan taraf perekonomian negara sehingga masyarakat menjadi lebih sejahtera. Penyertaan para ulama selaku pemimpin pendapat ke atas program pembangunan, sebenar merupakan realiti pengamalan ajaran Islam. Sepertimana ajaran Islam dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya (QS. Al-Ma'idah [5] : 2).*

Bahawa seseorang itu mestilah memberi faedah yang sempurna kepada orang lain, saling tolong menolong dalam berbuat kebaikan, saling memberi nasihat atas suatu perkara, serta mencegah berlakunya kerusakan dan perpecahan mahupun konflik dalam masyarakat. Dalam konteks kajian ini, termasuklah adalah para ulama dalam kedudukannya sebagai pewaris para nabi dalam pandangan agama, dan kedudukannya sebagai pemimpin tidak formal yang berlaku dalam kumpulan masyarakat. Dengan demikian, ulama sepatutnya

memberikan pemerhatian terhadap program pembangunan iaitu memberikan nasihat maupun suatu rancangan program pembangunan kepada pihak kerajaan.

## **LATAR BELAKANG PENYERTAAN ULAMA**

Lazimnya, pelbagai program pembangunan nasional bangsa Indonesia pada asasnya merupakan program pembangunan manusia seutuhnya (komprehensif) yang dilaksanakan secara bertahap dan berterusan sesuai dengan skala prioriti, merangkumi segala aspek kehidupan seluruh rakyat Indonesia. Pembangunan yang dilaksanakan cuba mewujudkan matlamat nasional sebagaimana dinyatakan dalam muqaddimah Undang-Undang Dasar 1945, iaitu melindungi segenap bangsa Indonesia, dan seluruh tumpah darah Indonesia, mewujudkan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa, ikut melaksanakan ketertiban dunia yang berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi dan keadilan sosial.

Program pembangunan yang dilaksanakan kerajaan Indonesia pada hari ini lebih fokus ke atas program pembangunan pada aspek pembangunan fizikal, dimana faktor materi, kapital, dan produksi sentiasa menjadi pokok pemerhatian. Manakala pembangunan dalam bidang bukan material seperti faktor individu, norma, budaya, agama dan persekitaran sosial kurang memperoleh perhatian yang sempurna (Said 2013). Justeru itu, keadaan sosial masyarakat Indonesia pada hari ini diwarnai dengan konflik sosial, rasuah, pertikaian elit politik, kekurangan sumber daya manusia yang berkualiti, serta tindak kejahatan yang merata-rata di tengah masyarakat. Pada pandangan Waskita (2005) kegagalan pembangunan tersebut sepatutnya menjadi pelajaran bagi bangsa Indonesia sampeña mencari alternatif model pembangunan yang lebih tepat bagi bangsa Indonesia yang sesuai dengan jati diri bangsa Indonesia.

Proses pembangunan yang selama ini dilakukan oleh kerajaan Indonesia lebih ramai bersifat *topdown*, iaitu dari atas ke bawah dalam erti bahawa pembangunan seluruhnya dikawal pihak kerajaan. Pihak kerajaan sentiasa menguasai pembangunan ekonomi tanpa diimbangi dengan pembangunan dalam bidang sosial lainnya (Said 2013). Mengikut Suputra (2013), pendekatan dalam kegiatan pembangunan yang berorientasi kepada masyarakat, mesti dirubah dengan pendekatan pembangunan yang berpusat pada masyarakat. Ini bermakna bahawa usaha pembangunan yang berlangsung dalam masyarakat diarahkan dengan menjadikan masyarakat sebagai tokoh utama dalam pembangunan. Dalam konteks ini, selaras dengan pemikiran Amaludin Ab. Rahman et al. (2011), peranan serta tanggungjawab masyarakat mesti dipertingkatkan dalam mendukung hala-tuju dan pembangunan negara.

Setakat ini, penyertaan masyarakat dalam pembangunan di Indonesia dilakukan dengan sistem perwakilan. Berdasarkan perlembagaan kerajaan, aspirasi atau keinginan ahli masyarakat disalurkan melalui badan-badan rasmi kerajaan iaitu para ahli parlimen. Kedudukan ahli parlimen dalam

pembangunan adalah menyerap, menghimpun, menampung dan menindaklanjuti aspirasi masyarakat sahaja (Siagian et al. 2014). Seterusnya, pelbagai aspirasi tersebut diserahkan kepada pihak kerajaan untuk dilaksanakan. Dalam realitinya, terdapat jurang yang memisahkan hubungan antara masyarakat dalam program pembangunan. Kerana tidak semua ahli masyarakat boleh setiap masa memberikan aspirasi kepada ahli parlimen.

Per cubaan cuba menghubungkan jurang pemisah antara ahli masyarakat dengan pihak kerajaan dalam penyertaan ke atas pelbagai program pembangunan, tidak hanya melalui perwakilan yang dijalankan oleh ahli parlimen sahaja. Hubungan antara ahli parlimen dengan pihak kerajaan adalah berada dalam konteks politik sahaja. Dalam konteks politik seperti yang dianut di Indonesia, segala sesuatunya dilihat tidak lagi berdasarkan kepada kepentingan untuk mensejahterakan warganegara Indonesia. Dia lebih mengarah kepada hala tuju kepentingan politik, sama ada kepada ahli parlimen itu sendiri mahupun kepada pihak kerajaan, termasuk pula kepada kroni-kroni (sahabat karib) dan golongannya sahaja. Oleh itu, kehadiran pihak lain yang berada diluar daripada sistem kerajaan, dipandang amat penting untuk turut menyalurkan aspirasi warganegara, termasuklah para ulama.

Ulama menduduki posisi yang amat mustahak dalam kehidupan ahli masyarakat, khususnya ummah Islam. Ulama tidak hanya sebagai tokoh ilmun yang menguasai dan memahami faham keagamaan, tetapi juga sebagai penggerak, motivator dan perantara masyarakat ke arah perkembangan dan pembangunan ummah. Perilaku ulama selalu menjadi teladan. Ucapan ulama selalu menjadi rujukan ummah Islam. Dalam pengajian komunikasi, dikemukakan bahawa satu antara variabel yang boleh mempengaruhi perilaku khalayak adalah *small reference group* (SRG) (Tresnati 2006). Dalam masyarakat terdapat kelompok yang memiliki ciri-ciri tertentu, seperti kelab sukan, kelab perniagaan, majlis ibu-ibu rumah tangga, kelab artis dan pertubuhan ulama. Di dalam SRG ini terdapat *opinion leader* yakni seseorang yang boleh mempengaruhi orang lain. Yang menjadi *opinion leader* (pemimpin pendapat) adalah mereka yang memiliki prestasi. Ia boleh menjadi contoh kepada para pengikutnya dan para pengikutnya ini akan mencontohi perilaku yang dilakukan oleh pemimpin pendapat.

Dalam konteks inilah masyarakat sentiasa mengikuti apa yang dikatakan oleh ulama. Ulama memiliki karisma terhormat dalam masyarakat. Ulama juga memahami psikologi masyarakat, sehingga kehadiran agama dalam masyarakat tidak dianggap sebagai sesuatu yang menakutkan, tetapi hadir dalam keramahan, memberikan kedamaian, pencerahan pemikiran, wawasan keagamaan dan dapat diterima oleh mereka. Kedudukan dan peranan ulama sesungguhnya adalah amat luas (Rohidin 2007). Peranan ulama tidak sekedar bergelut pada aspek ibadah mahdhah, memberikan fatwa atau berdoa semata. Tetapi mereka juga berperanan dalam bidang lainnya seperti politik, ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, dan sebagainya, sesuai dengan komprehensifnya ajaran Islam itu sendiri. Rohidin (2007) pula mengatakan bahawa membatasi peranan ulama

pada persoalan agama, fatwa dan akhlak saja, merupakan kekeliruan besar, karena hal itu dipandang sebagai *ahistoris*, sebab dalam sejarah peranan ulama adalah sangat luas.

Selain selaku pemimpin tidak formal, para ulama juga menjadi bahagian penting ke atas kepemimpinan di Indonesia. Beberapa sarjana menggolongkan ulama ke dalam pelbagai kategori. Darwis (2012) dalam kajiannya mengelompokkan ulama daripada tiga kalangan, iaitu (1) golongan yang bergelar *kyai*. *Kiyai* merupakan sebutan ulama yang mengadaptasi sebutan ulama yang lebih moden dan terpengaruh dari kebiasaan ummah Islam di Pulau Jawa. *Kiyai* lebih banyak duduk di kawasan bandar dan memimpin pondok pesantren atau pengerusi pertubuhan keagamaan Islam. (2) Golongan yang diberi predikat *anregurutta* (AG). Golongan ini lebih kepada pemimpin ummah Islam di Sulawesi Selatan yang lebih melekat kepada tradisi atau kebiasaan masyarakat tempatan. Kelompok ini banyak duduk di kawasan luar bandar, memimpin madrasah atau menjadi pengerusi surau. (3) Para pensyarah universiti yang mempunyai integriti keislaman tinggi, iaitu individu yang mempunyai peringkat pendidikan formal keagamaan, mereka sebagai pakar atau cendekiawan muslim yang mengajarkan faham keagamaan Islam, sebahagian lagi adalah kaki tangan kerajaan dalam hal ehwal keagamaan.

Pada pemikiran Siagian (2012), kepemimpinan ulama dapat ditemukan dalam sejumlah badan atau agensi: *Pertama*, pondok pesantren. Pada amnya ulama berkhidmat dalam pondok pesantren. Sebahagian besar ulama merupakan pemilik dan pemimpin di pondok pesantren yang dia tubuhkan sendiri atau merupakan warisan dari orang tuanya. *Kedua*, pegawai dalam jawatan kerajaan. Kerajaan yang berkuasa di Indonesia melibatkan ulama sebagai bahagian dari pemimpin di negeri ini, mahupun menjadikan ulama sebagai rujukan atau penasihat ke atas progam pembangunan, walaupun dalam jangkauan yang masih amat terhad. *Ketiga*, pertubuhan sosial keagamaan dan kemasyarakatan. Para ulama yang mempunyai motivasi hasrat tinggi dalam bidang organisasi, bergelut dalam pertubuhan keagamaan dan kemasyarakatan.

Pada hari ini peranan ulama di Sulawesi Selatan belum sempurna, komited, berketerusan, dilibatkan dalam pembangunan, sebagaimana halnya di kawasan Indonesia lainnya secara keseluruhan. Dimana peringkat kesejahteraan warganegara Indonesia masih perlu dibaiki ke taraf yang lebih tinggi, sementara peringkat pengamalan ajaran agama Islam juga memiliki kecenderungan yang rendah atau menurun. Antara faktor penyebabnya adalah kerana ulama tidak selalu boleh ikut dalam perencanaan, pelaksanaan, pengawasan, dan terhad dalam pemanfaatan pembangunan. Oleh itu, sebahagian program pembangunan yang dilakukan oleh pihak kerajaan tidak sepenuhnya berjaya membawa kesejahteraan masyarakat. Pembangunan juga cenderung mengalami cabaran atau penolakan daripada masyarakat.

Penyelidikan ini mengkaji mengenai bagaimana bentuk komunikasi penyertaan para ulama sebagai yang tergabung dalam pengerusi organisasi

keagamaan di luar negara (*non-government organization*) dalam pelbagai program pembangunan di Sulawesi Selatan. Kajian ini akan merujuk kepada teori penyertaan oleh Freire (1991). Teori penyertaan lahir dari model pembangunan yang berpusat pada manusia (*people centered development*), yang memberikan peranan pada warga masyarakat, bukan hanya subjek melainkan sebagai aktor yang menentukan matlamatnya sendiri. Menguasai sumber daya diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut dan mengarahkan proses yang mempengaruhi hidupnya sendiri. Dalam konteks ini, penyertaan masyarakat perlu berinteraksi secara aktif. Percubaan berinteraksi memerlukan komunikasi untuk mencipta dan berkongsi maklumat dengan yang lain sebagai usaha untuk mencapai *mutual understanding* (pengertian bersama). Menurut Rogers dan Kincaid (dalam Rangkuti, 2010) model komunikasi yang sesuai dengan teori penyertaan ini adalah model konvergensi sebagai proses transaksi diantara partisipan. Maknanya adalah ada proses dialogis yang terjadi sehingga terjadi *mutual understanding*.

Ulama selaku pemimpin pendapat yang memperoleh kepercayaan daripada ahli masyarakat sepatutnya lebih memberikan pemerhatian dalam program pembangunan. Salah satu antaranya adalah dengan mengadakan dialog dengan pihak kerajaan. Dialog dalam pandangan Freire (1998) merupakan cara berkomunikasi, sekaligus sebagai proses untuk belajar dan mengetahui sehingga berlaku pembahagian maklumat dan pengetahuan. Dialog pula boleh menyarankan kehidupan bermasyarakat, saling menguntungkan, dan kesahan sebuah hubungan yang sejajar. Pada dasarnya, komunikasi penglibatan atau penyertaan merupakan strategi komunikasi yang baik dan sesuai digunakan bagi proses pembangunan yang memerlukan penglibatan aktif golongan sasaran (Mohd. Yusof Hj. Abdullah 2012). Percubaan menyokong pembangunan, memerlukan suatu cara atau strategi yang boleh dijadikan media atau sarana supaya terlibat dalam pembangunan tersebut. Antaranya iaitu melalui bentuk komunikasi penyertaan, merupakan aktiviti yang dijalankan menyertai pembangunan, seperti dialog, komunikasi formal mahupun komunikasi tidak formal.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian ini adalah menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Penggabungan kedua pendekatan ini adalah untuk menguatkan dapatan daripada kaedah kuantitatif dengan melibatkan kaedah kualitatif. Kajian dijalankan bagi memperoleh data empirikal, manakala temu bual dan pemerhatian dilakukan bagi mendapatkan gambaran umum. Pada awalnya seramai 107 orang responden berumur dalam lingkungan 29 sehingga 72 tahun dipilih sebagai responden. Responden terdiri daripada pengerusi pertubuhan keagamaan Islam di Sulawesi Selatan, iaitu Majelis Ulama Indonesia (MUI), Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU), Wahdah Islamiyah, Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), Muslimat NU dan Aisyiyah. Untuk memantapkan lagi dapatan kajian dan untuk mendapati maklumat tambahan, perbincangan kumpulan fokus (PKF) atau *focus*



*group discussion* (FGD) telah dilaksanakan. Kajian ini dikuatkan lagi dengan beberapa siri menemu bual dengan beberapa individu berkenaan.

Responden terpilih dalam kaedah PKF dan temua bual adalah ahli utama pertubuhan keagamaan Islam peringkat Provinsi Sulawesi Selatan seramai tujuh orang, daripada badan kerajaan seramai tujuh orang, iaitu Kementerian Hal Ehwal Agama, Pejabat Kesihatan, Badan Kesatuan Bangsa, Badan Perencanaan Pembangunan, Pemerintah Kota Makassar, Pemerintah Kecamatan Tamalanrea, dan Ketua Kelurahan Samata Kecamatan Somba Opu Kabupaten Gowa. Untuk memberi informasi tambahan, PKF juga menyertakan sembilan orang daripada pelbagai kumpulan masyarakat; ketua kampung, pensyarah, imam masjid, wartawan, ahli parlimen, ahli lembaga pertubuhan bukan negara (NGO), petani kebun, pedagang dan seorang nelayan.

Responden kajian untuk menjawab soal selidik terdiri daripada pengerusi MUI seramai 11 orang (11.34%), pengerusi Muhammadiyah 16 orang (16.49%), pengerusi NU 20 orang (20.61%), pengerusi ICMI 21 orang (21.64%), pengerusi Wahdah Islamiyah 6 orang (8.18%), pengerusi Aisyiyah 12 orang (12.37%), dan pengerusi Muslimat NU 11 orang (11.34%). Satu set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengukur tahap mendapatkan persepsi terhadap penyertaan ulama dalam pembangunan di Sulawesi Selatan.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian berdasarkan soal-selidik, menunjukkan bahawa kecenderungan bentuk komunikasi penyertaan ulama dalam menyokong pembangunan nasional di Sulawesi Selatan. Ada tujuh item kategori bentuk komunikasi penyertaan ulama cuba berkongsi idea-idea mengenai pembangunan kepada pihak kerajaan; (1) Menghadiri dialog bersama pihak kerajaan membincangkan isu-isu pembangunan; (2) Pencetus dialog dengan pihak kerajaan bersama pihak lain membincangkan isu-isu pembangunan; (3) Pihak kerajaan melawat secara langsung meminta ide-ide mengenai pembangunan kepada ulama mahupun melalui pertubuhannya; (4) Menyampaikan idea-idea mengenai isu-isu pembangunan kepada pihak kerajaan melalui pihak lain atau melalui pertubuhan; (5) Memberi saranan/idea kepada pemerintah mengenai pembangunan melalui surat atau media massa; (6) Mengajak pihak lain (tokoh masyarakat atau ahli pertubuhan lainnya) mengadakan dialog terbuka membincangkan isu-isu pembangunan; (7) Melalui komunikasi tidak formal mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan mengenai isu-isu pembangunan. Datanya boleh dilihat daripada jadual di bawah ini.

**Jadual: Taburan Bentuk Komunikasi Ulama dalam Penyampaian Idea-idea Pembangunan**

No	Kategori	Item Pertanyaan													
		1	%	2	%	3	%	4	%	5	%	6	%	7	%
1	Amat tidak pernah	3	3.09	3	3.09	7	7.2	1	1.03	1	1.03	0	-	1	1.03
2	Tidak pernah	3	3.09	13	13.04	18	18.5	7	7.2	16	16.49	18	18.5	9	9.27
3	Jarang sekali	23	23.71	33	34.02	33	34.02	15	15.46	21	21.46	23	23.71	23	23.71
4	Pernah	39	40.21	43	44.32	32	32.9	61	62.88	52	53.61	45	46.39	57	58.76
5	Amat pernah	9	9.27	5	5.15	7	7.2	13	13.04	7	7.2	11	11.34	7	7.2

Pihak yang bertanggung jawab dalam melaksanakan program pembangunan adalah pihak kerajaan. Justeru Mohd. Yusof Hj. Abdullah (2012) mengatakan bahawa pihak kerajaan mempunyai kuasa dan komitmen politik untuk berperanan sebagai peneraju pembangunan. Setakat hari ini, pihak kerajaan berasa lebih berkompeteren merancang dan melaksanakan seluruh program pembangunan. Manakala penyertaan masyarakat termasuklah para ulama dipandang sepi dan tidak diberi perhatian. Padahal dalam pandangan Umar (2012) sehebat-hebatnya manusia, pasti memerlukan pihak lain, kerana tidak mungkin semua perkara boleh dilaksanakan sendiri. Demikian pula dalam pembangunan, pihak kerajaan tidak akan boleh melaksanakannya tanpa sokongan daripada semua pihak. Oleh itu, penyertaan ulama selaku pemimpin pendapat dalam menyokong program pembangunan boleh dilakukan dengan menyediakan idea-idea kepada pihak kerajaan.

Data dalam jadual di atas menunjukkan bahawa bentuk komunikasi penyertaan ulama dalam menyampaikan idea-idea menyokong pembangunan nasional di Sulawesi Selatan iaitu dalam bentuk dialog. Ulama yang pernah mengikuti dialog mengenai pembangunan dengan pihak kerajaan adalah seramai 40.21 peratus. Bahkan terdapat seramai 9.27 peratus ulama yang sering melakukan dialog dengan pihak kerajaan. Manakala yang jarang iaitu seramai 23.71 peratus. Walau bagaimanapun masih terdapat segelintir ulama di Sulawesi Selatan yang tidak pernah mengikuti dialog dengan pihak kerajaan iaitu seramai 6.18 peratus. Data tersebut dikuatkan lagi manakala dalam perbincangan kumpulan fokus, beberapa pengerusi pertubuhan keagamaan mengiktiraf bahawa mereka pernah mengikuti dialog mengenai pembangunan dengan pihak kerajaan.

Usaha memberangsangkan penyertaan masyarakat dalam satu program pembangunan, diperlukan kemahiran komunikasi pemimpin pendapat (Nan Zakiah Megat Ibrahim dan Che Su Mustaffa 2011). Komunikasi adalah komponen penting dan perlu kepada strategi pembangunan komuniti. Ini adalah kerana komunikasi menghubungkan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan untuk bersama-sama berkongsi idea, masalah dan pandangan mahupun untuk

merancang dan melaksanakan strategi pembangunan. Di samping itu, komunikasi juga boleh memberdayakan komuniti dengan pengetahuan baru, sikap baru, kaedah baru melalui perkongsian maklumat (Mohd Yusof Hj. Abdullah et al. 2011). Komunikasi ulama kepada pihak kerajaan, sama ada secara formal mahupun secara tidak formal boleh memberi perhatian kepada pihak kerajaan untuk melaksanakannya, kerana aduan atau aspirasi daripada masyarakat yang disampaikan melalui ulama adalah amat penting sebagai satu bentuk penyertaan masyarakat dalam pembangunan.

Mengikut pemikiran Mohd. Yusof Hj. Abdullah (2012) bahawa bentuk komunikasi yang sesuai dengan tujuan perkongsian maklumat adalah dialog. Dialog menepati ciri-ciri komunikasi dua hala dan jika digunakan untuk mendapatkan penglibatan aktif golongan sasaran boleh menghasilkan kesan positif, iaitu; pertama, meminimumkan penentangan atau penolakan terus ke atas program pembangunan dan seterusnya memastikan kemapanan program pembangunan. Kedua, membantu semua pihak yang terbabit mencapai konsensus tanpa banyak menimbulkan syak wasangka, perasaan tidak puas hati, atau kurang maklumat. Ketiga, pengiktirafan ke atas keupayaan dan potensi diri golongan sasaran. Dalam konteks ini, ulama boleh bertindak sebagai penceramah atau panelis membentangkan kertas kerja atau artikel berkenaan. Lagipun seorang ulama, boleh bertindak sebagai partisipan yang memberi idea-idea dan menanggapi paparan dari pemakalah yang terkait dengan pembangunan.

Selain mengikuti dialog yang diselenggarakan oleh pihak kerajaan, para ulama juga pernah menganjurkan sendiri aktiviti dialog mengenai pembangunan. Data di atas menunjukkan bahawa terdapat 43 peratus responden mengakui pernah menganjurkan dialog dengan pihak kerajaan, manakala seramai 5 peratus justeru berkata amat sering memprakarsai dialog dengan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun seramai 33 peratus mengakui jarang memprakarsai dialog. Malah terdapat seramai 16.3 peratus mengakui tidak pernah mengadakan dialog dengan pihak kerajaan. Menurut setiausaha Majelis Ulama Indonesia, Professor Muhammad Ghalib (12 Februari 2013), bahawa setiap pertubuhan keagamaan dalam setiap mesyuarat agung sentiasa menjemput pihak kerajaan untuk menyempurnakan majlis tersebut. Dalam aktiviti tersebut, ada kalanya berlangsung dialog mengenai pembangunan antara pihak kerajaan dengan para ulama.

Selaku pihak bertanggungjawab dalam pembangunan, dalam konteks demokrasi, sebenarnya pihak kerajaan boleh pula meminta idea-idea mengenai pembangunan kepada para ulama. Ini bermakna bahawa sebagai pemimpin dalam sebuah negara, pihak kerajaan perlu menjalin komunikasi bersama para ulama, sama ada dengan cara melawat ke jabatan pertubuhan mahupun ke kediaman para ulama disebut guna melakukan komunikasi secara terbuka. Proses komunikasi seperti ini selaras pandangan Freishman (1973) dalam Mohamad Said Awang dan Zulhamri Abdullah (2010) bahawa pemimpin yang mempunyai pertimbangan yang tinggi akan menyokong komunikasi terbuka dan

berpenyertaan.

Data daripada jawapan soal-selidik yang telah disebar menunjukkan bahawa seramai 34.02 peratus responden mengakui adanya lawatan pihak kerajaan kepada para ulama meminta idea-idea mengenai pembangunan adalah amat jarang. Lagipun ada seramai 25.7 peratus yang mengakuinya tidak pernah. Walau bagaimanapun terdapat responden yang mengakui adanya lawatan pihak kerajaan berkongsi idea-idea mengenai pembangunan, iaitu seramai 32.2 peratus mengakui pernah dan seramai 7.2 peratus mengakuinya amat pernah.

Kedudukan ulama dalam pertubuhan keagamaan Islam di Sulawesi Selatan sepatutnya memberi peluang lebih dekat atau memiliki hubungan rapat dengan pihak kerajaan. Pertubuhan keagamaan Islam mempunyai peranan dan fungsi yang mustahak dalam kehidupan masyarakat, juga dalam program pembangunan di Sulawesi Selatan. Pengerusi pertubuhan keagamaan boleh berkongsi idea-idea pembangunan, yang berpunca dari pemikiran para ulama. Bentuk komunikasi penyertaan yang dilakukan oleh ulama dalam menyampaikan idea-ideanya melalui pertubuhan keagamaan ini iaitu seramai 62.88 peratus, manakala seramai 13.04 peratus mengakuinya amat pernah. Adapun yang mengakui jarang sekali iaitu seramai 15.46 peratus. Walau bagaimanapun terdapat 8.5 peratus mengaku tidak pernah menggunakan pertubuhan menyampaikan idea-ideanya kepada pihak kerajaan.

Perkongsian idea-idea mengenai program pembangunan, pula dilakukan para ulama melalui media massa. Pemanfaatan media massa menyampaikan idea-idea mempunyai kelebihan berbanding bentuk komunikasi lainnya. Melalui media massa, idea-idea ulama tidak hanya diketahui oleh pihak kerajaan sahaja, juga oleh kumpulan masyarakat lainnya di pelbagai tempat. Melalui bentuk komunikasi seperti ini, digunapakai oleh seramai 53.61 peratus responden. Bahkan ada seramai 7.2 peratus responden yang amat sering melakukan komunikasi melalui media massa. Sedangkan yang mengakui jarang sekali iaitu seramai 21.46 peratus. Responden yang tidak pernah menggunakan media massa menyampaikan idea-idea seramai 17.52 peratus. Tingginya pemanfaatan media massa ini, kerana penubuhan beberapa media massa di Kota Makassar, stesen televisyen, stesen radio, mahupun akhbar harian. Para ulama yang sebahagian besarnya adalah pensyarah universiti, amat sering menjadi narasumber atau penceramah bagi media massa berkongsi idea idea dan membincangkan isu-isu yang berlaku, sama ada peringkat tempatan mahupun isu-isu peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Di samping menggunakan media massa, ulama juga menyampaikan idea-idea mengenai pembangunan kepada pihak kerajaan iaitu dengan cara mengajak pihak lain secara bersama-sama mesyuarat membincangkan dan berkongsi idea-idea mengenai pembangunan. Pihak lain yang turut serta antaranya pengerusi pertubuhan keagamaan mahupun ahli pertubuhan bukan negara yang lain, pensyarah universiti dan tokoh masyarakat tempatan. Melalui bentuk komunikasi seperti ini, ulama yang pernah melakukannya iaitu seramai 46.39 peratus.

Lagipun ada seramai 11.34 peratus yang amat sering melakukannya. Adapun yang mengaku jarang sekali iaitu seramai 23.71 peratus. Manakala yang sama sekali tidak pernah iaitu seramai 18.5 peratus. Mesyuarat yang dilakukan ini sama ada secara formal mahupun secara tidak formalnya, amat pernah diadakan manakala ada isu-isu yang amat penting atau emergensi. Misalnya menghadapi pilihan raya dan ketika berlaku rusuhan antarwarga dalam satu kampung mahupun bandar. Kesimpulan (resolusi) dari mesyuarat tersebut, diberikan kepada pihak kerajaan selaku pihak bertanggung jawab, sama ada dihantar secara langsung mahupun membuat sidang media. Dalam konteks ini, pihak kerajaan yang boleh merealisasikan resolusi yang disampaikan oleh para ulama tersebut.

Bagi segelintir ulama yang tergabung dalam pertubuhan keagamaan Islam di Sulawesi Selatan adalah mempunyai hubungan rapat dengan pihak kerajaan. Punca hubungan tersebut boleh berlaku kerana aspek kekerabatan, perkauman, sesama alumni universiti, berasal dari kampung atau bandar yang sama, terlibat dalam pertubuhan sukan, dan keahlian lainnya. Adapula faktor kedekatan lainnya, iaitu kesamaan agama, sosial, dan budaya mahupun perkauman. Hubungan seperti ini sepatutnya menjadi modal sosial kepada ulama cuba menyampaikan idea-idea mengenai pembangunan kepada pihak kerajaan, utamanya dari aspek komunikasi tidak formal. Dengan melakukan komunikasi mahupun dialog secara tidak formal, penyampaian idea-idea boleh berlaku lebih seronok dan bersemangat, kerana tidak terhad dengan protokol peraturan negeri amat formal dan bersifat feodal, khasnya di Sulawesi Selatan. Di Indonesia, manakala seorang warganegara hendak melawat atau ingin bersua dengan pegawai penting kerajaan, mestilah melalui prosedur rasmi, terlebih dahulu manakala dia tidak memiliki hubungan ataupun kedekatan personal dengan pegawai kerajaan berkenaan.

Berlakunya dialog secara tidak formal adalah mustahak. Kaedah dialog tidak formal boleh memberangsangkan penyertaan masyarakat merancang program pembangunan. Melalui dialog tidak formal, banyak maklumat daripada penduduk tempatan dapat diperolehi, yang boleh memberi pengetahuan dan mempertingkatkan pemahaman mengenai masalah dan keperluan yang dihadapi oleh kumpulan sasar (Mohd. Yusof Hj. Abdullah et al. 2011). Dengan cara komunikasi tidak formal, para ulama yang menyampaikan idea-idea pembangunan kepada pihak kerajaan iaitu seramai 58.76 peratus. Bahkan ada seramai 7.2 peratus yang mengaku amat sering. Ulama yang sentiasa melakukan komunikasi tidak formal kepada pihak kerajaan dilakukan dalam pelbagai aktiviti yang tidak rasmi, seperti perayaan hari keagamaan seperti maulidurrasul mahupun ceramah agama. Selaku pengerusi pertubuhan keagamaan Islam, mayoriti responden kajian ini juga merupakan ulama. Para ulama ini sentiasa berceramah di masjid atau di dewan orang ramai, mahupun dalam acara perayaan wisuda graduan universiti. Idea-ideanya adalah mengenai pembangunan daripada aspek agama. Sedangkan idea-idea dalam bidang fizikal, ekonomi, dan infrastruktur, adalah masih terhad.

Adapun yang mengaku jarang melakukan komunikasi tidak formal iaitu seramai 23.71 peratus. Walau bagaimanapun terdapat 10.3 peratus responden yang mengaku sama sekali tidak pernah melakukan komunikasi tidak formal

dengan pihak kerajaan. Amnya, responden yang mengakui perkara ini adalah responden yang berusia muda, di bawah usia 40 tahun. Keadaan ini dapat difahami kerana kedudukan responden dalam usia seperti ini dalam pertubuhan keagamaan iaitu sebagai ahli dalam sub-bidang sahaja, bukan sebagai kedudukan pejabat tinggi atau pengetua. Apabila berlaku aktiviti yang menjemput pejabat kerajaan, yang mendampingi atau menyambutnya adalah pengerusi pertubuhan yang berkedudukan sebagai pejabat tinggi. Seorang responden yang bernama Ilham Hamid, S.Ag., M.Pd., mengakui sering melakukan dialog dengan pihak kerajaan dan ahli parlimen. Beliau berkata:

*Beberapa kali mengikuti dialog antar tokoh masyarakat dengan pihak kerajaan dan ahli parlimen Bandar Makassar. Tajuk penting yang kami bincangkan iaitu perlu pihak kerajaan memberi dan menetapkan anggaran kewangan bagi pertubuhan keagamaan. Kerana tugas pertubuhan iaitu membantu melaksanakan program kerajaan dalam pembangunan masyarakat terutamanya daripada aspek pembangunan rohaniannya. (Ilham Hamid, S.Ag., M.Pd., 12 Februari 2013).*

Berdasarkan huraian di atas menunjukkan bahawa lebih ramai ulama melakukan komunikasi penyertaan dengan pihak kerajaan mengenai pembangunan. Walau bagaimanapun masih ditemukan adanya segelintir ulama yang tidak pernah melakukan komunikasi penyertaan dengan pihak kerajaan, sama ada secara formal mahupun tidak formal. Antara puncanya iaitu terkendala atas kebolehan individu atau lemahnya kreativiti dalam melakukan hubungan komunikasi dengan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun pihak kerajaan masih terdapat jurang dengan ulama, terutamanya adalah ulama yang tergabung dalam pertubuhan keagamaan Islam yang berada pada kedudukan sebagai ahli sahaja.

Justeru itu, pihak kerajaan mestilah memperkuatkan hubungan komunikasi yang harmonis dengan para ulama untuk memperolehi idea-idea mengenai pembangunan, kerana mengikut pandangan Abdul Azis Ilyas, S.Ag, M.M. (12 Februari 2013) dalam perbincangan kumpulan fokus, bahawa sesungguhnya para ulama setiap saat berkeinginan untuk memberikan idea-idea mengenai pembangunan kepada pihak kerajaan. Dalam konteks pembangunan, komunikasi adalah rakan penting yang berfungsi sebagai proses yang menghubungkan kedua-dua belah pihak (Mohd. Yusof Hj. Abdullah 2012). Komunikasi boleh menciptakan hubungan harmoni antara pihak kerajaan dengan ulama adalah memberi kesan yang positif kepada masyarakat. Dimana hubungan antara pemimpin dan ahli yang harmoni dan baik boleh melicinkan lagi perjalanan organisasi serta dapat mencapai misi dan visi organisasi (Muhammad Said Awang dan Zulhamri Abdullah (2011). Demikian pula dengan aktiviti komunikasi yang harmoni dan berkesan antara pihak kerajaan dengan ulama boleh membantu capaian kejayaan sesebuah program pembangunan.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk komunikasi penyertaan yang dilaksanakan para ulama selaku pemimpin pendapat dalam menyokong pembangunan nasional di Provinsi Sulawesi Selatan. Penyertaan ulama dalam menyokong pembangunan adalah bentuk realiti tanggung jawab dan peranannya sebagai pemimpin tidak formal yang diiktiraf oleh kumpulan masyarakat dan para pengikutnya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk komunikasi penyertaan yang paling dominan dilakukan para ulama adalah melalui dialog, iaitu berkongsi idea-idea mengenai pembangunan dengan pihak kerajaan. Dialog yang dijalankan adalah dengan cara yang formal mahupun secara tidak formal.

Dialog formal yang diikuti para ulama dalam menyokong pembangunan bersama dengan pihak kerajaan antaranya melalui seminar, persidangan, dan mesyuarat. Dalam aktiviti tersebut para ulama boleh menjadi penceramah atau panelis yang membentangkan kertas kerja mengenai pembangunan mahupun memberikan tanggapan ke atas perbagai isu-isu pembangunan. Dalam aktiviti mesyuarat, para ulama boleh menghadiri Mesyuarat Perancangan Pembangunan (musrebang) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bermula dari peringkat antara kampung sehingga peringkat Provinsi Sulawesi Selatan. Manakala dalam dialog tidak formal, komunikasi penyertaan dalam pembangunan yang dijalankan oleh para ulama secara amnya ketika berlaku majlis perjumpaan mahupun aktiviti tidak formal. Dalam realitinya, komunikasi penyertaan para ulama yang telah dijalankan dalam kedua-dua bentuk dialog tersebut, belum berlaku dengan baik, lagipun tidak memberi kesan yang tinggi.

Kajian ini pula menjelaskan bahawa penyertaan ulama dalam pembangunan di Sulawesi Selatan masih terdapat kekurangan. Pelbagai isu yang ditemukan dalam kajian adalah ulama belum dilibatkan secara serius dalam proses pembangunan. Kecenderungan pembangunan hanya dilaksanakan oleh pihak kerajaan sahaja, mulai dari proses perancangan sehingga kepada pelaksanaan. Akibatnya, pembangunan yang dilaksanakan masih terdapat cabaran dalam pelaksanaannya, ada pula penolakan dari masyarakat tempatan yang tidak puas hati. Selaras dengan pemikiran Freire (1991), sistem pembangunan untuk masa hadapan, sepatutnya mempertimbangkan keperluan dari masyarakat. Pendekatan yang selama ini dilakukan dari atas ke bawah, mesti diubah menjadi dari bawah ke atas. Ini bermakna bahawa pembangunan harus bermanfaat bagi masyarakat dan masyarakat dilibatkan dalam pembangunan tersebut.

Pihak bertanggung jawab pembangunan mestilah diisi oleh individu yang bersifat jujur, adil, dan professional (Siagian et al. 2014). Ini sangat penting agar dalam proses pembangunan tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan dan menjadi kegagalan dalam pembangunan tersebut serta membawa kerugian, sama ada kepada masyarakat juga kepada negara. Ulama perlu diminta nasihat atau idea-idea mereka dalam segala aspek pembangunan (Shihab 2001), dan terkesan dengan kewujudan fungsinya selaku pemimpin tidak formal dalam masyarakat. Manakala ulama sudah terlibat dalam pembangunan, maka

masyarakat secara keseluruhan memandang ulama sebagai wakil mereka yang memberikan perhatian untuk kesejahteraan masyarakat. Hasil kajian ini pula menunjukkan bahwa, meskipun pihak kerajaan tidak melibatkan ulama secara menyeluruh dalam proses pembangunan, akan tetapi ulama tetap memiliki tanggung jawab dalam pembangunan. Ulama di Sulawesi Selatan telah memberikan sumbangannya terhadap pembangunan dalam berkomunikasi dengan pihak kerajaan, memberikan ceramah keagamaan kepada masyarakat, juga menubuhkan institusi lembaga pendidikan yang memiliki faedah ke atas kumpulan masyarakat.

## **BIODATA PENULIS**

**Haidir Fitra Siagian**, pelajar Ph.D. di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, dan juga merupakan pensyarah di Fakulti Dakwah dan Komunikasi Universiti Islam Negeri Alauddin, Makassar, Indonesia, emel: [hfitrasiagian@gmail.com](mailto:hfitrasiagian@gmail.com)

**Mohd. Yusof Haji Abdullah**, adalah Prof Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, emel: [myusof@ukm.edu.my](mailto:myusof@ukm.edu.my).

**Normah Mustaffa**, adalah Prof Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, emel: [normahm@ukm.edu.my](mailto:normahm@ukm.edu.my).

**Fauziah Ahmad**, adalah Prof Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, emel: [zuhair@ukm.edu.my](mailto:zuhair@ukm.edu.my).



## RUJUKAN

Al-Qur'an.

- Amaluddin Ab Rahman, Zaid Ahmad, Sarjit Singh Darshan Sing, Lee Yok Fee, Muhammad Nazri Lokman, dan Noor Asyikin Harun (2011). Persepsi dan Kefahaman Masyarakat Bukan Islam terhadap Islam Hadhari. *Jurnal Hadhari* 3 (2) (2011): 63-82.
- Bertocci, D.I. (2009). *Leadership and Power, Leadership in Organizations- There is A Difference Between Leaders and Managers*. Plymouth: University Press of America.
- Chatman, E. (1987). *Opinion Leadership, Poverty, and Information Sharing*. RQ, 26(3):341-353.
- Che Bakar Che Mat, Abd Shukor Md Ali, Wan Kamariah Leman, Norlela Kamaluddin, Sharifah Anom Omar, Salmah Hussin, dan Wan Ariffin Wan Yon (2007). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Darwis, M. (2012). *Polarisasi pemikiran Ulama Sulawesi Selatan terhadap Gerakan Penerapan Syariat Islam oleh Komite Persiapan Penegakan Syariat Islam (KPPSI) di Sulawesi Selatan*. Tesis : Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. <http://graduate.uinjkt.ac.id/index.php/en/template-features-2/proposal/proposal-disertasi> [17 April 2014].
- Freire, P. (1991). *Pedagogi Kaum Tertindas*. Terj. Wan Abdul Manan Wan Muda & Haris Md. Jadi. Kuala Lumpur: Forum.
- Freire, P. (1993). *Pedagogy Of The Oppressed*. Terj. Myra Bergman Ramos. New York: The Continuum International Publishing Group.
- Freire, P. (1998). *Pedagogy of Freedom: Ethics, Democracy, and Civic Courage*. Lanham, MD: Rowman & Littlefield Publishers.
- Foster, M. (2008). *"Informal Leadership In Community-Driven Development: Implications For Transformation"*. Thesis. St. Francis Xavier University, Canada.
- Maimunah Ismail. (1999). *Pengembangan Implikasi Ke Atas Pembangunan Masyarakat* (2 ed.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mejar (B) Abdu Dzar (2004). *Islam Hadhari menurut Ustaz Hj. Ashaari Muhammad*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Minda Ikhwan.
- Mohamad Said Awang & Zulhamri Abdullah (2010). Hubungan antara Pertimbangan Pemimpin, Pertukaran Komunikasi, dan Komitmen Organisasi. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 28(1): 121-136.
- Mohd. Yusof Hj. Abdullah (2012). Pendekatan komunikasi dalam pembangunan komuniti. Dlm Junaenah Sulehan dan Noor Rahamah Hj. Abu Bakar (pnyt), *Penyertaan dan Pemerkaasaan Komuniti Desa Malaysia-Indonesia*. Bangi, Selangor Darul Ehsan : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 99-108.
- Mohd Yusof Hj Abdullah, Noor Rahamah Hj Abu Bakar, Abd. Hair Awang,

- Junaenah Sulehan & Ong Puay Liu (2011). Memobilisasi penyertaan lokal melalui participatory rural appraisal (pra) bagi penilaian keperluan untuk pembangunan komuniti. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 27(1): 170-179.
- Nan Zakiah Megat Ibrahim dan Che Su Mustaffa (2011). *Peramal penyertaan masyarakat dalam Medan Infodesa (MID)*. Kertas Kerja International Conference Media and Communication: School of Media and Communication Studies Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia. Putrajaya, 11-12 Oct.
- Pielstick, D. (2003). *Authentic Leading: Where the blue sky hits the road*. Longmont, CO: Rocky Mountain Press.
- Rangkuti, P.A. (2010). *Peran Komunikasi dalam Modernisasi Pertanian Berbasis Koperasi*. Repository.ipb.ac.id [13 September 2013].
- Rohidin (2007). Peran Ulama dalam Sosialisasi Kebijakan Integrasi Sosial Kaum Difabel ke dalam Mainstream Masyarakat. *Jurnal Fenomena*: Vol. 5 No. 2, September 2007.
- Said, N.M. (2013). Dakwah dan Problematika Umat Islam. *Jurnal Dakwah Tabligh. ISSN 1412-7271 Edisi XXVII/Juni 2013*, hal. 1-22.
- Shihab, M.Q. (2001). *Membumikan Al-Qur'an*. Bandung: Mizan.
- Siagian, H.F. (2012). *Komunikasi Politik. Posisi Ulama sebagai Komunikator Politik*. Makassar: Alauddin University Press.
- Siagian, H.F. & Mohd. Yusof Abdullah (2011). *Aktiviti dan pengaruh komunikasi politik pemimpin pendapat di Sulawesi Selatan*. Seminar International Serumpun Indonesia-Malaysia. Fakultas Ilmu Budaya Universitas Hasanuddin – Universiti Kebangsaan Malaysia. Makassar, 8-9 Jun.
- Siagian, H.F. & Mohd. Yusof Abdullah (2011). Optimalisasi Fungsi dan Peran Pemimpin Pendapat di Sulawesi Selatan. Makassar: *Jurnal Stimulus Universitas Muslim Indonesia*.
- Siagian, H.F., Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa, & Fauziah Ahmad (2012). Kedudukan ulama dalam mensosialisasikan kebijaksanaan negara. Jayapura: *Jurnal Mediasi* Vol. 3 No. 6 April.
- Siagian, H.F., Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa, & Hjh. Fauziah Ahmad. (2013). Partisipasi Pemuka Pendapat dalam Pembangunan sebagai Pilar Penting dalam Kehidupan Demokrasi. Jayapura: *Jurnal Mediasi*, Vol. 5 No. 10 April.
- Siagian, H.F., Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa, & Hjh. Fauziah Ahmad (2013). Partisipasi dan Efek Komunikasi Pemuka Pendapat dalam Pembangunan. *Jurnal Dakwah Tabligh. ISSN 1412-7271 Edisi XXVII/ Juni 2013*, hal. 1-22.
- Siagian, H.F., Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa, & Hjh. Fauziah Ahmad (2013). *Bentuk Komunikasi Ulama dalam Menyokong Pembangunan Nasional di Provinsi Sulawesi Selatan*. Kertas Kerja

International Conference Media and Communication: School of Media  
and Communication Studies Faculty of Social Sciences and Humanities  
Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 26-27 November.

- Siagian, H.F., Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa, & Hjh. Fauziah Ahmad (2014). Penyertaan Ulama dalam Menyokong Pembangunan Nasional di Provinsi Sulawesi Selatan. Kertas Kerja International Conference on Human Sustainability (INSAN 2014) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Batu Pahat, 9-10 April.
- Suputra, W. (2013). Partisipasi Masyarakat dalam Pembangunan Infrastruktur di Desa Bumi Rapak Kecamatan Kaubun Kabupaten Kutai Timur. *eJournal Administrasi Negara*, 2013, 1(1):135-146 [23 September 2013].
- Tresnati, R. (2006). Pemasaran bagi Petualang sebagai Kegiatan Komunikasi Pemasaran. *Jurnal Mediator*. Vol. 7 No. 2 Desember.
- Umar, M. (2012). *Pentingnya partisipasi masyarakat untuk membangun Jakarta*. <http://news.detik.com/read/2012/10/30/101237/2075889/103/pentingnya-partisipasi-masyarakat-untuk-membangun-jakarta-baru?9922022> [28 Mac 2013].
- Valente, T., and Davis, R. (1999). *Accelerating the Diffusion of Innovations Using Opinion Leaders*. *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 566:(1)55-67.
- Waskita, D. (2005). Komunikasi Pembangunan untuk Pemberdayaan. *Jurnal Organisasi dan Manajemen*, Vol. 1, September 2005, 32-40.
- White, S., Nair, S. & Ascroft, J. (pnyt). (1994). *Participatory Communication: Working For Change And Development*. New Delhi: Sage Publications.

